

## **BANK ISLAM DAN FAM PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK 2025–2027**

Berkolaborasi demi pembangunan sukan bola sepak negara

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [11 Julai 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) meneruskan komitmennya terhadap kemajuan sukan bola sepak negara dengan memeterai perjanjian kerjasama strategik bersama Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM). Kerjasama, yang kini memasuki pembaharuan kali kelima, merangkumi aktiviti pemasaran bersama serta meneruskan program Kad Debit-i Jenama Bersama Team Harimau.

Perjanjian strategik tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram dan Setiausaha Agung FAM, Datuk Noor Azman Hj Rahman dalam satu majlis yang berlangsung di Menara Bank Islam. Turut menyaksikan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed bersama Presiden Kehormat FAM, Tan Sri Dato' Haji Hamidin Haji Mohd Amin.

“Kami percaya bola sepak menyatukan rakyat. Melalui kerjasama ini, Bank Islam mahu menjadi sebahagian daripada semangat itu. Justeru, kami amat berbesar hati kerana sekali lagi diberi kepercayaan dan ruang untuk menyumbang secara langsung kepada perkembangan sukan bola sepak negara,” kata Mizan.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani, Bank Islam akan menganjurkan program-program pengaktifan, sama ada secara digital maupun di lokasi acara yang melibatkan FAM, termasuk penyediaan reruai khas pada hari perlawanan, aktiviti penjenamaan bersama, kandungan media sosial serta pertandingan untuk peminat.

Jalinan kerjasama ini juga menawarkan peluang kepada penyokong-penyeokong skuad bola sepak kebangsaan, Harimau Malaya, memiliki kad rekaan istimewa sebagai cara menzhahirkan sokongan mereka terhadap pasukan berkenaan serta menikmati pelbagai manfaat yang disediakan termasuk pengeluaran ATM dan pembayaran secara elektronik bagi pembelian tempatan dan luar negara.

Bagi setiap fi pengeluaran, tahunan, dan penggantian Kad Debit-i Team Harimau, RM2 akan disalurkan kepada FAM demi manfaat bakat-bakat muda dan program pembangunan bola sepak Malaysia.

Sehingga kini, Kad Debit-i Team Harimau mencatat lebih 2 juta pengguna di pasaran. Prestasi ini mencerminkan keyakinan dan sokongan berterusan pelanggan terhadap produk Bank Islam, di samping menyokong pembangunan pasukan bola sepak kebangsaan, Harimau Malaya.

Mizan berkata, "Sebagai sebuah institusi perbankan, Bank Islam juga berharap agar penerbitan Kad Debit-i Team Harimau memacu penggunaan perbankan digital dan pembayaran secara elektronik yang lebih cepat, berkesan dan selamat, selaras dengan aspirasi negara ke arah masyarakat tanpa tunai."

Tambahnya, "Bank Islam amat menghargai FAM atas kepercayaan yang diberikan dan persetujuan untuk melanjutkan kerjasama strategik ini. Usaha sama ini mencerminkan komitmen kami dalam membina semangat kesukanan dan memperkuatkannya sokongan terhadap pasukan yang membawa harapan negara. 'Lambang di dada' bukan hanya satu simbol tetapi satu amanah. Bank Islam berbangga dapat bersama FAM dan Harimau Malaya dalam usaha mereka mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa."

Sementara itu, Exco FAM, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pemasaran dan Penajaan FAM, turut menzahirkan penghargaan terhadap komitmen Bank Islam yang telah bersama FAM sejak lebih sedekad lalu.

"Selama lebih 12 tahun, Bank Islam bukan sahaja menjadi rakan penaja FAM, malah telah muncul sebagai rakan strategik sejati yang memberikan sumbangan bukan hanya dalam bentuk kewangan, tetapi juga dalam memperkasa jenama bola sepak tempatan serta mengukuhkan ekosistem bola sepak Malaysia secara keseluruhan.

"Apa yang lebih membanggakan, hubungan ini telah berkembang daripada sekadar perkongsian komersial kepada satu bentuk perkongsian nilai dan aspirasi bersama sejarah dengan visi FAM untuk mewujudkan satu struktur bola sepak yang menyeluruh, inklusif dan mampu melahirkan lebih ramai pemain, jurulatih serta pegawai teknikal bertaraf antarabangsa.

"Kerjasama erat yang terjalin bukan sahaja mengukuhkan usaha pembangunan bola sepak negara, malah memberi inspirasi kepada kami untuk terus bekerja lebih keras dalam membangunkan ekosistem yang inklusif dan mampan.

"Terima kasih sekali lagi Bank Islam kerana terus menjadi rakan kongsi yang progresif, berwawasan dan komited dalam membantu menjayakan misi serta visi kami," kata Dato' Sri Mohd Yusri.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**Mengenai Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)**

Ditubuhkan pada tahun 1926 sebagai Persatuan Bola Sepak Malaya (MFA), Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) adalah badan induk kebangsaan yang ditubuhkan untuk menyelia semua aspek aktiviti bola sepak di negara ini. Bernaung di bawah badan induk dunia iaitu Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), FAM juga merupakan ahli Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF).

Untuk pertanyaan media kepada FAM, sila e-mel ke Unit Media & Komunikasi FAM di [media@fam.org.my](mailto:media@fam.org.my)